

Berdialog boleh jernihkan sikap Islamofobia

► BRANDON YIP

ISLAMOFobia mungkin kelihatan agak membingungkan bagi kita untuk memberi cadangan bahawa soal legitimasi Islamofobia seharusnya dibahaskan dalam masyarakat yang sopan.

Islamofobia seringkali dilihat sebagai penyakit yang wujud dalam golongan yang cepat marah. Ia kerap dilihat dalam golongan yang membuat andaian secara umum mengenai semua orang Islam.

Dengan mendengar atau menghormati pandangan mereka, seseorang itu terdedah kepada bahaya untuk 'menormalkan' sesuatu wacana yang bersifat prejudis.

Ada juga yang menyatakan bahawa kita sepatutnya mengawal orang-orang sebegini.

PERKARA YANG SALAH

Adalah salah apabila golongan 'Islamofobia' menghina dan melabelkan keseluruhan masyarakat Islam.


Adalah tidak adil apabila segelintir yang bertindak ganas dan golongan ini pula dibenci mendapat label negatif.

Daripada menghina Islamofobia, kita seharusnya mengambil serius dan mewujudkan hubungan bermakna dengan penuh rasa hormat terhadap mereka.

Dalam konteks setempat, Islamofobia mungkin timbul daripada pelbagai sumber.

Contohnya prasangka kaum (yang kemudiannya menggabungkan kaum dengan agama). Selain itu, terdapat juga rasa takut dalam mencari kebenaran tentang beberapa organisasi pengganas yang berjaya merevolusikan masyarakat setempat secara radikal.

Perasaan curiga peningkatan pernyataan identiti agama akan mencabar aliran kebangsaan sekular kita juga satu penyebabnya.



Kesemua sebab itu menunjukkan kita seharusnya menyedari bukan semua penganut agama Islam bersifat radikal.

Tambahan pula, tidak semua orang yang menyatakan pendapat atau mempunyai pertanyaan tentang Islam secara langsungnya bermotifkan kebencian terhadap agama tersebut. Selain itu, sikap Islamofobia wujud dalam satu spektrum.

Ada yang membuat komen tidak sensitif dan tidak seimbang, manakala yang lainnya mendiskriminasi umat Islam secara aktif.

Golongan yang paling melampau pula ialah mereka yang melihat Islam sebagai satu ancaman sosial.

MERAPATKAN YANG TERPISAH

Hal yang dibincangkan tadi membawa saya kepada sebab pertama mengapa kita harus mewujudkan hubungan dengan golongan yang mempunyai sikap Islamofobia, dan bukannya menolak mereka.

Mengejek dan menolak seseorang kerana sikap mereka selalunya tidak akan menyebabkan seseorang itu untuk mengubah fikirannya.

Sering kali, ia menyebabkan seseorang berpindah dari kedudukan lebih sederhana kepada melampau.

Kita semua mungkin mengenali atau mengetahui akan kawan atau saudara yang mengeluarkan kenyataan bersifat Islamofobia.

Tetapi, saya masih belum melihat sesiapa yang telah mengubah fikiran mereka setelah dikritik hebat kerana mempunyai sikap sebegini.

Kita juga mungkin terus melihat pandangan mereka sebagai pandangan jahat.

Bagaimanapun, kita masih mempunyai rasa hormat yang cukup untuk mendengar alasan mereka. Penyertaan dalam dialog sebenarnya mempunyai kesan kuat secara tersendiri.

Dengan meminta mereka yang bersikap Islamofobia untuk menyatakan secara jelas alasan di sebalik pandangan mereka, ia akan memaksa golongan itu melihat semula diri mereka.

Selain itu, ia memberi ruang untuk mereka melihat kembali kekurangan mereka. Dengan mengetahui pandangan mereka didengari orang lain, ia mungkin dapat mengubah pemikiran mereka atau sekurang-kurangnya melemahkan sikap mereka.

Satu alternatif lain, saya percaya memperutuhkan pandangan mereka juga merupakan cara yang baik.

Mereka yang mungkin bermula dengan pandangan lebih ringan mungkin berasa wajar bergerak ke arah pandangan lebih melampau.

Kita sebenarnya telah memburukkan lagi masalah tersebut.

► Penulis Naib Johan kedua dalam esei 'Tiga Perkara yang Salah tidak akan menjadikannya Benar: Kenapakah kita patut mewujudkan satu hubungan bermakna dengan penuh rasa hormat terhadap 'Islamofobia'. Beliau ialah Alumni Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan NUS.